

atas rujuk itu maka gugurlah talak satu.

Kemudian, pada bulan Disember tahun 1961

Yang Dipertua Jabatan Agama Selangor telah pun membuat kenyataan di dalam akhbar menyatakan bahawa barang siapa yang hendak beristeri satu lagi – selain daripada isteri yang ada (memadukan isterinya) maka hendaklah lebih dahulu mendapat persetujuan daripada isterinya yang pertama dan hendaklah disiasat kemampuannya dan kebolehan suami itu. Jika tidak disetujui oleh isteri yang pertama ertinya kadi tidak boleh mengkahwinkannya dan tidak dibenarkan didaftarkan.

Sepanjang pengetahuan kita bahawa kanun yang dijalankan ini adalah sama sekali bertentangan dengan undang-undang Sharak Islam. Kanun yang dijalankan oleh kerajaan Selangor ini adalah sangat berbahaya untuk keselamatan dan kebebasan agama.

Nampaknya cita-cita perbaiki maSharakat yang dibuat itu tidak dijalankan dengan sewajarnya atau sepatutnya tetapi telah melanggar batas yang diluluskan oleh Sharak. Orang-orang hanya menerima hukuman itu dengan syarat bahawa hukuman itu tidak melanggar Sharak dan hukuman itu berjalan merata-merata jangan rakyat sahaja yang dikenakan hukuman sedang ke atas Orang Besar-Besar negeri didiamkan.

Perkara ini adalah suatu perkara besar, lebih besar daripada persoalan loteri kebajikan maSharakat. Kita berharap alim ulama akan memberi penjelasan-penjelasan yang terang dan nyata di dalam soalan ini disebabkan perkara ini ada kena mengena dengan hal ehwal kebersihan keturunan bagi umat Islam masa yang akan datang.

Alim ulama kita mesti ingat bahawa masa sekarang ada banyak cerdik pandai kita yang mahu membuat khidmat untuk kebaikan maSharakat tetapi malangnya banyak di antara mereka yang kurang mendalam di dalam pengajian agamanya. Kerana itu cita-cita mereka yang baik itu hendaklah kita bantu dengan mengingatkan bahawa janganlah hendaknya sesuatu yang dikanunkan itu melanggar undang-undang Sharak Islam. Alim ulama wajib bekerja bersungguh-sungguh memberi penerangan dan penjelasan di dalam soalan ini.

Sebelumnya kita mengupas dengan panjang lebar di dalam persoalan ini di dalam majalah ini kita berharap alim ulama kita memberi pendapatnya di dalam soal undang-undang perkahwinan dan cerai yang berjalan kuatkuasanya di Selangor sebab ditakuti kelak undang-undang itu akan ditiru oleh lain-lain negeri.

### **Perkara Sarah Binti ‘Abdullah**

Di dalam Berita Harian muka hadapan dan bersama-sama hari itu di dalam Straits Times tersiar gambar seorang perempuan Melayu dan Islam bernama Sarah binti ‘Abdullah sedang berkucup dengan seorang yang bukan Islam, bernama Richard Cliff.

Apabila menatap siaran itu umumnya umat Islam terasa yang mereka telah disentuh apalagi dikatakan bahawa mereka berkucup itu sebagai satu nazar.

Adalah tidak menjadi suatu perkara luar biasa seorang perempuan, terutamanya perempuan yang hidup sebagai pelayan di kedai-kedai kopi, yang tidak berapa mengendahkan maruah dirinya, jauh sekali daripada menjaga maruah am, sebagai suatu contoh keadaan

hidup umat Islam yang lebih banyak daripada golongan itu.

Perkara ini hari-hari kita lihat dan keadaan seperti

itu hampir-hampir di mana-mana ada dan berlaku.

Tetapi menyiarkan kelakuan-kelakuan seperti itu di dalam

akhbar yang dibaca oleh sekalian orang adalah lain

keadaannya. Pembaca-pembacanya yang tidak mengetahui keadaan maSharakat

di negeri ini, terutama maSharakat Islamnya, akan

menyangka bahawa begitulah luahnya kehidupan umat Islam

di sini.

Dengan pemandangan seperti ini timbullah suatu

pertanyaan apakah ini tidak suatu perbuatan yang boleh

dipandang bertujuan menghinakan umat Islam? Atau adakah

ini disenghaja untuk mengapi-apikan perasaan umat

Islam? Kita berharap tidaklah ini tujuan rakan

sejawat kita itu tetapi walau bagaimanapun buat


masa hadapan kita berharap tidaklah kelak akan ada

lagi siaran-siaran yang dirasa boleh merosakkan perasaan

umat Islam. Patut diperingatkan bahawa adalah menjadi

kewajipan bagi sesuatu akhbar itu mengawal dan

menjaga kesenangan rakyat dan bersifat jangan berat sebelah.



**Pelajar-pelajar Darjah Sembilan Madrasah al-Khayriyyah al-Islāmiyyah, Pokok Sena, Kepala Batas Seberang Perai.**

Bergambar untuk kenangan kerana memberi selamat berpisah kepada saudara Ishak bin Lebai Din, dari Perlis

(ditengah-tengah, bersongkok) yang akan berkhidmat memegang jawatan guru Sekolah Menengah Agama, Bohor Mali Perlis. Seyogia

disebut, sebanyak 7 orang dari kelas ini sedang berkhidmat di sekolah-sekolah rakyat petang.